

13 JAN 2001

Sultan-Pingat

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KETUAI 821 PENERIMA PINGAT SULTAN KEDAH

ALOR SETAR, 13 Jan (Bernama) -- Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ismail Shafie mengetuai senarai 821 orang penerima darjah, bintang dan pingat kebesaran sempena ulang tahun ke-73 keputeraan Sultan Kedah esok.

Beliau dianugerahkan darjah Dato' Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (DHMS) yang membawa gelaran Datuk Paduka.

Mufti Negeri Kedah Datuk Paduka Syeikh Abdul Majid dianugerahkan darjah kebesaran Datuk Mursyid Di Raja manakala Datuk Dr Foo Chee Keow menerima anugerah Datuk Maha Kurnia.

Pegawai Kewangan Negeri Datuk Syed Zain Syed Abdullah dan Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia Lt Jen Datuk Mohd Shahrom Nordin dianugerahkan Darjah Gemilang Seri Mahkota Kedah (DGMK) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Qari terkenal, Allahyarham Haji Ismail Hashim, ialah antara 35 orang yang dianugerahkan Datuk Setia DiRaja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk.

Yang lain termasuk Anggota Exco Kerajaan Negeri Kedah Hassan Bulat, Ketua Polis Negeri DCP Hairuddin Mohamed, Penasihat Undang-undang Negeri Zulkifli Bakar, Pengarah Jabatan Kerja Raya Kedah Dr Nordin Darus dan anak Perdana Menteri, Mokhzani Mahathir.

Turut menerima DSDK ialah Duta Besar Malaysia ke Pakistan Sopian Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha 1, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Dr Halim Shafie, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Mohd Azmi Razak, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Hashim Ahmad, Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Dr Mohammed Noor Embi, Pegawai Daerah Baling Shukri Hashim dan Pegawai Daerah Langkawi Ismail Hamid.

Sebanyak 21 orang akan menerima bintang Setia DiRaja Kedah (SDK) dan masing-masing seorang penerima SDK (Kehormat) dan Setia Mahkota Kedah (SMK) dan 11 orang dilantik Jaksa Pendamai (JP).

Sebanyak 65 orang pula akan menerima pingat Ahli Mahkota Kedah (AMK), 53 Bintang Cemerlang Kedah (BCK), 77 Pingat Cemerlang Kedah (PCK) dan 169 Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM).

Wartawan Utusan Nizam Abdul Hamid menerima BKM manakala Jafri Abdul Aziz dari TV3 dan Helmi Abdul Aziz dari NTV7 ialah antara penerima Pingat Jaksa Kebaktian (PJK).

Sebanyak 60 orang akan menerima Pingat Perkhidmatan Lama (PPL).

-- BERNAMA

MNH MAI